



**NORAZLINA
ABD. WAHAB**

PERUBAHAN iklim bukan lagi ancaman masa depan, ia kini realiti yang dihadapi oleh pesawah padi di Malaysia.

Fenomena banjir luar jangka, kemarau berpanjangan serta seraman penyakit tanaman semakin kerap berlaku, sekali gus menjejaskan hasil dan pendapatan petani.

Realitinya, sektor pertanian Malaysia semakin terdedah kepada risiko perubahan iklim yang semakin tidak menentu.

Selain kemarau berpanjangan, kejadian banjir juga semakin kerap dan memberi kesan besar kepada pengeluaran makanan negara.

Statistik terkini menunjukkan bahawa jumlah kerugian akibat banjir di Malaysia mencecah RM933.4 juta pada 2024, dengan sektor pertanian sahaja mengalami kerugian sebanyak RM185.2 juta.

Malah, laporan juga menunjukkan sektor pertanian masih mencatat kerugian puluhan juta ringgit akibat banjir setiap tahun.

Dalam konteks ini, keperluan kepada perlindungan kewangan seperti takaful menjadi semakin mendesak. Berbeza dengan bantuan pasca bencana yang bersifat reaktif, takaful menyediakan mekanisme perlindungan yang lebih sistematik dan berterusan kepada petani dalam menghadapi risiko yang tidak menentu.

Sektor penanaman padi merupakan tunjang keterjaminan makanan negara.

Lindungi pesawah, jamin sekuriti makanan negara



Realitinya, sektor pertanian Malaysia semakin terdedah kepada risiko perubahan iklim yang semakin tidak menentu."

Namun, ia juga antara sektor paling terdedah kepada perubahan cuaca. Ketidaktentuan musim, hujan lebat luar jangka serta kesan langsung kepada produktiviti sawah.

Tanpa perlindungan yang dialami petani bukan sahaja menjejaskan pendapatan isi rumah, malah boleh memberi implikasi kepada bekalan beras negara.

Justeru, kerajaan melalui Agrobank telah memperkenalkan Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) pada 2024 sebagai langkah memperkukuh perlindungan pesawah padi.

Skim ini menyediakan pampasan kewangan kepada

pesawah berdaftar yang mengalami kerugian akibat bencana alam seperti banjir dan ribut, serta serangan perosak dan penyakit tanaman.

Perlindungan yang ditawarkan mencecah sehingga RM3,000 sehektar bagi setiap musim untuk bencana alam dan RM1,500 sehektar bagi kerosakan akibat perosak. Lebih menarik, caruman skim ini pada masa ini ditanggung oleh kerajaan sepenuhnya, sekali gus mengurangkan beban kewangan pesawah.

Sehingga kini, puluhan ribu pesawah telah menerima manfaat dengan jumlah pampasan mencecah puluhan juta ringgit, membuktikan peranan penting skim ini dalam meningkatkan daya tahan petani terhadap risiko luar jangka.

Walaupun STTP merupakan langkah progresif kerajaan dalam menangani kesan perubahan iklim terhadap pesawah padi, terdapat beberapa kekangan yang perlu diberi perhatian.

Antaranya termasuklah tahap kesedaran dan penyertaan yang masih lagi rendah. Masih terdapat ramai pesawah yang belum mendaftar untuk menyertai skim ini sama

ada disebabkan kekurangan maklumat atau akses kepada institusi kewangan dan mungkin juga keraguan terhadap kesahihan skim ini.

Kebergantungan kepada subsidi kerajaan sepenuhnya menimbulkan tanda tanya akan ketahanan dan kebolehpasarannya dalam jangka masa panjang.

Buat masa ini, caruman ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan.

Persoalan yang timbul: Sejauh mana skim ini mampan sekiranya subsidi dikurangkan pada masa hadapan? Adakah pesawah sanggup membayar premium tanggap sepenuhnya jika kerajaan menarik balik subsidi yang disediakan.

Pengurusan tuntutan yang melibatkan kawasan luas serta kekurangan tenaga pakar pertanian boleh melambatkan proses penilaian kerugian.

Saya berpengalaman menemuramah beberapa orang pesawah padi yang merungut kerana terpaksa menyediakan dokumen yang dirasakan agak menyukarkan.

Walaupun dokumentasi ini perlu untuk mengelak isu moral hazard dalam kalangan pesawah padi, mekanisme yang lebih ringkas tetapi telus amat diharapkan agar sistem pengurusan pampasan memberi faedah kepada

kedua-dua belah pihak.

Bagi memastikan kelestarian sektor padi, beberapa langkah boleh dipertimbangkan untuk memastikan jangkauan skim ini meliputi kesemua pesawah padi di Malaysia.

Antaranya termasuklah memperluas literasi takaful dalam kalangan petani melalui kerjasama dengan agensi peladang di negara ini.

Selain itu, penggunaan teknologi terkini seperti sistem amaran awal cuaca boleh difikirkan bagi menyokong perlindungan kewangan pesawah padi.

Bagi mengurangkan kebergantungan subsidi kerajaan, tabung khas boleh diwujudkan untuk membantu petani kecil dan asnaf melalui alat filantropi Islam seperti zakat, sedekah ataupun pendanaan awam.

Penyertaan sektor swasta juga boleh digalakkan bagi mengurangkan kebergantungan kepada subsidi kerajaan.

Dalam era perubahan iklim, pendekatan tradisional tidak lagi mencukupi. Takaful bukan sekadar instrumen kewangan, tetapi satu bentuk perlindungan sosial yang mampu menjamin kelangsungan hidup petani dan kestabilan bekalan makanan negara.

Sudah tiba masanya perlindungan seperti STTP bukan sahaja diperluas, tetapi juga diperkukuh agar tiada pesawah yang terpinggir dalam menghadapi cabaran iklim yang semakin mencabar.

PROFESOR Madya Dr. Norazlina Abd. Wahab ialah Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) dan Felo Penyelidik Kanan, Institut Tadbir Urus Syariah & Kewangan Islam, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia (UUM).



TANPA perlindungan yang mencukupi, kerugian yang dialami petani bukan sahaja menjejaskan pendapatan isi rumah, malah boleh memberi implikasi kepada bekalan beras negara.